



JABATAN BENDAHARI
BURSAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



UUM
Universiti Utara Malaysia

Tel: 604-928 3200/3221/3255
Faks (Fax): 604-928 3299
Laman Web (Web): www.uum.edu.my

KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI

Ruj Kami: BEND20150414-KB0704

Tarikh : 14 April 2015

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2015

Semua Penolong Naib Canselor/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dato' Wira/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GOODS & SERVICES TAX) DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sebagaimana maklum Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) atau lebih dikenali sebagai GST mula berkuatkuasa mulai 1 April 2015.

Sebagai Institusi Pendidikan Tinggi yang diluluskan di bawah **Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971**, UUM adalah tertakluk kepada Warta Kerajaan Persekutuan **P.U. (A) 271 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014** di bawah Jadual Kedua (sub-perenggan 14[b]) yang menerangkan maksud perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh Universiti kepada pelajar adalah **dikecualikan GST** meliputi semua jenis yuran pengajian, penginapan, dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan secara langsung dengan pembekalan pendidikan.

Apa-apa jenis perkhidmatan selain dari yang dinyatakan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard sebanyak 6%.

Dari segi perolehan, bekalan dan perkhidmatan yang dibeli oleh UUM adalah tertakluk kepada tiga (3) jenis GST iaitu:

- i) Bekalan dan Perkhidmatan yang dinyatakan di bawah **P.U. (A) 272 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014** adalah tertakluk kepada kadar sifar (zero-rated @ ZR) sebanyak 0%.
- ii) Bekalan (*goods*) yang memenuhi kriteria seperti dinyatakan di bawah **P.U. (A) 273 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014** adalah mendapat pelepasan daripada dikenakan GST (*relief*).

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



- iii) Semua jenis perkhidmatan dan bekalan kecuali yang dinyatakan dalam (i) dan (ii) di atas adalah tertakluk kepada kadar standard (standard rated @ SR) sebanyak 6%.

Panduan GST melibatkan Pelajar, Staf dan Pembekal/Pihak Luar adalah seperti **Lampiran 1-3**.

Warta Kerajaan berkaitan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web Jabatan Bendahari di <http://www.bendahari.uum.edu.my>.

Sebarang pertanyaan sila emel kepada gst@uum.edu.my atau boleh berhubung terus dengan pegawai di bawah:

Eylani Ahmad	-	04 928 3203
Mohtar Hasim	-	04 928 3204
Norhashimah Hashim	-	04 928 3224

Sekian, terima kasih.

“ILMU BUDI BAKTI”

Saya yang menurut perintah


(HAJI AMRON BIN MAN)
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran